



**GEREJA KRISTUS LIKAS**

*Mengenal dan Memperkenalkan Kristus*

Bisyp: Bisyp Datuk Melder Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Epifani - 5 Januari 2025

### Doa Hari Ini

Allah yang kekal, yang oleh sinaran bintang telah memimpin orang-orang menyembah Anak-Mu; pimpinlah, dengan terang-Nya, semua bangsa di bumi, sehingga seluruh dunia melihat kemuliaan-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 2:1-12

Pembacaan Berbalas-balas -  
Yesaya 60:1-6



**kami telah melihat  
bintang-Nya**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam pertemuan jemaat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. SELAMAT TAHUN BARU

Selamat Tahun Baru. Hari ini adalah hari Ahad pertama di tahun 2025. Semoga tahun ini menjadi awal yang baik untuk kita semua mengalami kasih setia Tuhan yang dipertambahkan dari hari ke hari.

Esok, 6 Jan, adalah Perayaan Epifani. Kita bersyukur atas manifestasi Yesus kepada orang-orang bukan Yahudi, seperti yang digambarkan dalam peristiwa Kunjungan Orang Majus, Mat 2:1-12.

Bishop Melter Tais ada Mesej Tahun Baru untuk kita. Silakan membaca.

## 2. PROJEK LABUR

Terima kasih atas sambutan yang sangat menggalakkan. Kita sedang membina rumah paderi dan rumah staf yang baru, dan kemudahan lain.

- Marilah kita semua lakukan peranan dalam memberi sumbangan derma ke arah projek tersebut. Kami mendorong anda untuk menerapkan mana-mana dari komitmen berikut:
  - RM2,000/unit X 200 penderma = RM400,000
  - RM5,000/unit X 120 penderma = RM600,000
  - RM10,000/unit X 20 penderma = RM200,000
- Komitmen boleh secara ansuran bagi sepanjang tahun 2025.
- Atau apa-apa jumlah yang lain.
- Sehingga kini, kami telah menerima RM255,613. Berdoalah memohon rahmat dan perkenanan Tuhan.

## 3. KESYUKURAN TAHUN BARU CINA

Kebaktian Kesyukuran akan diadakan pada hari pertama Tahun Baru Cina, Rabu, 29 Jan, jam 8:00 pagi. Ini adalah kesempatan yang baik untuk datang dan saling mendekati rakan-rakan; terutama bagi mereka yang pulang dari perjalanan jauh untuk musim perayaan.

## 4. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- **Kanak-kanak B.L.A.S.T** dimulakan semula.
- **Kalender Diosis 2025** - sudah tersedia untuk diambil.
- **Persembahan Gubahan Bunga 2025** - Jika anda ingin menyumbang untuk persembahan di altar gereja, sila hubungi pejabat gereja. Anda mungkin ingin jadikannya untuk mengingati peristiwa istimewa - hari jadi, ulang tahun, hari peringatan; atau kesyukuran umum.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Mrs. Moon.

## 5. JAWATAN KOSONG

Tukang kebun sepenuh masa diperlukan segera untuk gereja kita. Jika berminat, sila hubungi Warden, atau Rektor.

## Mesej Tahun Baharu - Bishop Datuk Melter J Tais

Salam sejahtera dalam nama yang Maha Mulia, Yesus, Tuhan dan Penyelamat kita.

Sementara kita melangkah masuk ke dalam permulaan tahun 2025, pertama sekali kita berhenti sejenak untuk berterima kasih kepada Allah di atas kebaikan dan anugerah-Nya yang menguatkan kita sepanjang tahun 2024. Di sebalik kejayaan, dugaan, dan detik-detik yang tidak diduga, kasih setia-Nya telah membawa kita melalui semua cabaran. Sama seperti yang diisytiharkan oleh pemazmur, “Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana Dia baik; kasih-Nya kekal!” (Mazmur 107 : 1~BM), kita akui bahawa setiap berkat dan pelajaran daripada tahun lalu ialah bukti akan kehadiran-Nya yang tidak berbelah bagi dalam kehidupan kita.

Kini, sementara kita berdiri di ambang sebuah tahun baharu, jalan di hadapan terasa seperti sebuah wilayah yang luas, wilayah yang belum dipetakan atau diterokai, penuh dengan potensi, cabaran-cabaran, dan peluang-peluang. Setiap tahun membawa bersamanya pengalaman yang baharu, sama seperti perjalanan yang diambil oleh Abraham ketika Allah memanggilnya keluar meninggalkan persekitaran yang sudah biasa baginya ke sebuah negeri yang tidak diketahui, “TUHAN berfirman kepada Abram, “Tinggalkanlah negerimu, kaum keluargamu, dan rumah bapamu; pergilah ke negeri yang akan Aku tunjukkan kepadamu.” (Kejadian 12:1~BM). Meneroka masuk ke dalam sebuah wilayah yang belum dipetakan atau diterokai bukan hanya tentang menghadapi yang tidak diketahui; ia adalah tentang melangkah maju ke hadapan dalam iman, percaya bahawa Allah berjalan di hadapan kita.

Tahun Baharu 2025 merupakan tahun yang sangat mengujakan dan mencabar bagi kita sebagai sebuah diosis kerana kita sedang meneroka masuk ke dalam pembentukan tiga Diosis Kawasan yang belum diterokai: Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah, Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah, dan Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah. Kita masih satu Diosis, bukannya membentuk tiga Diosis yang berdikari dan terpisah, untuk tujuan yang lebih praktikal dan pelaksanaan pelbagai pelayanan dengan lebih berkesan. Walaupun tarikh untuk Kebaktian Pembentukan tiga Diosis Kawasan telah ditetapkan pada 25 Mei 2025 di Katedral All Saints, jam 4.00 petang, pelaksanaan tiga Diosis Kawasan bermula pada 1 Januari 2025. Sehubungan dengan hal ini, saya telah melantik kedua-dua Bishop John Yeo dan Bishop Kenneth Thien sebagai “Suffragan Bishops” (Bishop Kawasan masing-masing) untuk Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah dan Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2025. Mereka ditugaskan dengan tugas dan tanggungjawab yang tertentu. Saya sendiri akan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Bishop Kawasan untuk Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah, dan tambahan bagi peranan saya sebagai Bishop Diosis. Dengan pembentukan tiga Diosis Kawasan ini, saya berharap dan berdoa agar Diosis kita akan terus membawa masuk tuaian jiwa-jiwa yang lebih besar untuk Tuhan yang empunya tuaian, untuk kemuliaan-Nya. Kuncinya ialah kesatuan dalam doa dan tujuan.

Meneroka masuk ke dalam cabaran tahun 2025 yang belum dipetakan atau diterokai, merupakan sebuah undangan untuk berjalan dengan iman dan bukan dengan apa yang dapat dilihat, “Hidup kami berdasarkan kepercayaan kepada Kristus, dan bukan berdasarkan apa yang dapat dilihat” (2 Korintus 5:7~BM). Sementara kita memulakan perjalanan ini, marilah kita berpegang teguh kepada kebenaran bahawa hadirat Allah mendahului kita, dan janji-Nya menjamin masa depan kita.

Semoga tahun ini akan menjadi sebuah tahun di mana kita mendakap yang tidak diketahui dengan keyakinan, percaya bahawa Dia yang memulakan pekerjaan baik di dalam kita akan meneruskannya sampai pada akhirnya. Dengan hati yang penuh dengan iman dan mata yang tertuju kepada Yesus, marilah kita merangkul setiap cabaran sebagai peluang untuk pertumbuhan dan penerobosan ilahi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025 yang penuh Berbahagia kepada anda dan semua orang yang anda kasih.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



# MENYELURUHI ALKITAB - SEPANJANG TAHUN

Mengenal Yesus Kristus seperti yang dinyatakan dalam Kitab Suci

“Ia menjelaskan kepada mereka apa yang tertulis tentang Dia dalam seluruh Kitab Suci, mulai dari kitab-kitab Musa dan segala kitab nabi-nabi.” - Lukas 24:27

Beberapa ciri khas ...

- **BACA** di rumah. Ikuti bacaan yang dijadualkan untuk minggu ini. Sub-tajuk diberikan sebagai panduan. Mazmur dibacakan setiap hari sebagai doa renungan meditasi.
- **DENGAR** di gereja. Khutbah adalah berdasarkan bacaan.
- **BINCANG** di kelompok sel. Soalan perbincangan akan disediakan.
- **AMALKAN** dalam hidup kita di sepanjang minggu.

## Minggu 1 - Januari 5-11

Penciptaan & kejatuhan	<input type="checkbox"/> Ahad, 5 Kej 1-3; Mz 1	<input type="checkbox"/> Isnin, 6 Kej 4-7; Mz 2	<input type="checkbox"/> Selasa, 7 Kej 8-11, Mz 3	
Perjanjian Abraham	<input type="checkbox"/> Rabu, 8 Kej 12-15; Mz 4	<input type="checkbox"/> Khamis, 9 Kej 16-18; Mz 5	<input type="checkbox"/> Jumaat, 10 Kej 19-21; Mz 6	<input type="checkbox"/> Sabtu, 11 Kej 22-24; Mz 7

“Inilah perkataan-Ku, yang telah Kukatakan kepadamu ketika Aku masih bersama-sama dengan kamu, yakni bahwa harus digenapi semua yang ada tertulis tentang Aku dalam kitab Taurat Musa dan kitab nabi-nabi dan kitab Mazmur.” Lalu Ia membuka pikiran mereka, sehingga mereka mengerti Kitab Suci. - Lukas 24:44

## UNTUK DIDOAKAN

### Kota tercinta

- bersyukur untuk KK dan semua orang yang tinggal dan bekerja di kota ini.  
[berdoa untuk komitmen yang lebih sungguh untuk menjadikan kehidupan di KK selesai dan nyaman]

### Diosis tercinta

- bersyukur untuk para bisyop, paderi dan pastor, dan ahli majlis PCC.  
[berdoa untuk komitmen yang diperbaharui untuk menggembala umat Tuhan]

### Diri kita sendiri

- bersyukur untuk tahun yang baru ini  
[berdoa untuk kelaparan untuk mengalami penyegaran kasih setia Tuhan]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Sebutlah nama mereka dalam doa.